

19/06/1997

KPB labur RM100j tingkat pengurusan

Abdul Halim Yusoff

KONSORTIUM Perkapalan Bhd (KPB), antara pengendali khidmat logistik terbesar di Malaysia akan melabur RM100 juta bagi meningkatkan sistem pengurusan maklumat yang menjadi tunjang operasinya dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

Pengerusi Eksekutif KPB, Mirzan Mahathir, berkata pelaburan itu perlu bagi mengukuhkan keberkesanan rangkaian pengedarannya dan meningkatkan keupayaan persaingan KPB untuk muncul sebagai syarikat terkemuka di Asia Pasifik.

Katanya, pembiayaan untuk pelaburan itu akan dijana menggunakan tabungan dalaman daripada semua 25 anak syarikat KPB bagi membolehkan kumpulan menjadi syarikat berorientasikan pengangkutan bersepadu sepenuhnya.

"Sasaran pelaburan berkenaan perlu kerana kini sistem pengurusan pengangkutan KPB masih dijalankan secara manual dan tidak begitu cekap dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

"KPB mahu membangunkan sistem pengurusan logistik canggih yang membolehkan dengan sentuhan satu butang, pelanggan dapat mengetahui di mana kargo mereka berada pada masa itu," katanya selepas majlis menandatangani kontrak bernilai RM4.5 juta dengan SAP Malaysia Sdn Bhd untuk sistem aplikasi SAP R/3 client-server di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengurus Negara SAP Malaysia, Hee Kim Fah.

Pembelian sistem itu menjadikannya salah satu daripada pelaburan terbesar KPB dalam teknologi maklumat (IT) sehingga kini.

"Ini akan menjadi penubuhan sistem IT logistik bersepadu sepenuhnya yang pertama di negara ini," katanya.

Mirzan berkata, sistem pengurusan logistik yang berkesan akan membolehkan KPB memberikan perkhidmatan berunsur peribadi kepada pelanggannya di samping meluaskan kekangan perniagaan ke pasaran baru seperti India dan China serta negara Asean yang mempunyai potensi perniagaan yang besar.

Katanya, pasaran Asean menunjukkan potensi besar terutama menjelang pembukaan pasaran Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta), KPB mengunjurkan aliran kargo antara negara berkenaan akan terus meningkat.

"Selain Asean, KPB juga menetapkan sasaran untuk meluaskan perdagangan ke negara di barat Lingkungan Pasifik untuk program jangka panjangnya.

"Untuk tempoh terdekat ini, KPB sedang membuat kajian kemungkinan untuk memasuki pasaran China dan perundingan dengan beberapa pihak untuk mengadakan usaha sama perdagangan sedang berjalan," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan KPB akan mengambil alih sebahagian besar lagi ekuiti dalam Westport Holdings Sdn Bhd (Westport), pengendali Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang, beliau berkata, ia tiada dalam agenda kumpulan setakat ini.

(END)